



Hari Bertemu Kementerian Bil. 1/2022

Seksyen Dasar Perolehan Kerajaan

29 – 30 JUN 2022
BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

MEI

PP/PK 2.4

Perenggan 3.2 Pelaksanaan syarat perubahan harga bagi kontrak dipelawa secara sebut harga tertakluk kepada perkara berikut:

- Perolehan sebut harga dengan had nilai dari RM500 ribu hingga RM800 ribu yang menggunakan SST bagi tempoh pembinaan melebihi tiga (3) bulan.
- Projek yang telah siap dan dimuktamadkan akaun akhir sebelum atau pada 31 Disember 2021, VOP adalah tidak terpakai bagi projek tersebut

JUN

PP/PK 1.6

Penambahbaikan Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact (IP) Dalam Perolehan Kerajaan.

Surat Akuan Oleh Syarikat yang mendaftar Dengan MOF/CIDB

Laporan Pelaksanaan IP Dalam Perolehan Kerajaan

Garis Panduan Tatacara Pelarasan Kontrak Perkhidmatan Yang Terlibat Dengan Perintah Gaji Minimum 2022

Kategori Majikan

5 orang pekerja atau lebih

Tanpa mengira bilangan pekerja bagi Aktiviti Profesional Kumpulan 2: Profesional di bawah MASCO

Gaji bulanan tidak kurang daripada RM1,500

**mulai
1 Mei 2022**

Kurang daripada 5 orang pekerja dan selain majikan yang menjalankan Aktiviti Profesional Kumpulan 2: Profesional di bawah MASCO

Kawasan Majlis Bandaraya/Perbandaran

Selain Kawasan Majlis Bandaraya/Perbandaran

Gaji bulanan tidak kurang daripada RM1,200

1 Mei 2022 - 31 Disember 2022

Gaji bulanan tidak kurang daripada RM1,100

Kurang daripada 5 orang pekerja dan selain majikan yang menjalankan Aktiviti Profesional Kumpulan 2: Profesional di bawah MASCO

Gaji bulanan tidak kurang daripada RM1,500

**mulai
1 Januari 2023**

Syarat-syarat

Pertimbangan dan kelulusan Pegawai Pengawal

Memastikan pelarasan harga kontrak mematuhi peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa serta mengesahkan peruntukan adalah mencukupi

Permohonan bertulis daripada Syarikat

Menyertakan salinan penyata gaji dan penyata potongan KWSP pekerja

Kontrak yang terlibat

Terpakai kepada kontrak yang ditandatangani sebelum 1 Mei 2022 dan bagi kontrak yang masih berkuatkuasa

Jawatankuasa Penilaian Pelarasan Kadar Harga

Hendaklah ditubuhkan bagi meneliti dan membuat pengiraan kepada permohonan untuk perakuan Pegawai Pengawal

Syarat-syarat

Pelarasan harga kontrak

Mengambil kira saraan minimum pekerja melalui PGM 2022 tanpa melibatkan keuntungan Syarikat

Perjanjian Tambahan

Agensi mengikat Syarikat dengan satu Perjanjian Tambahan bagi pelarasan PGM 2022. Salinan dikemukakan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Sumber Manusia

Bon Pelaksanaan

Bon dikekalkan bagi kontrak >RM200 ribu. Kontrak yang melebihi RM200 ribu selepas pelarasan dikecualikan daripada kenaaan bon pelaksanaan

SOALAN LAZIM

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apa jenis kontrak yang layak dipertimbangkan untuk pelarasan harga kontrak?	Semua kontrak perkhidmatan yang mensyaratkan penyediaan bilangan pekerja secara khusus bagi memenuhi obligasi kontrak seperti kontrak kawalan keselamatan, bekalan bermasak, pembersihan dan lain-lain adalah layak dipertimbangkan untuk pelarasan harga kontrak.
2.	Apakah elemen yang terlibat dalam pelarasan harga?	Pelarasan harga kontrak perlu mengambilkira kenaikan gaji pokok, caruman KWSP, caruman PERKESO dan Skim Insurans Pekerja (SIP).
3.	Apa prosedur penubuhan Jawatankuasa Penilaian Pelarasan Kadar Harga (JPPKH)?	JPPKH secara asasnya bertanggungjawab menyemak dokumen, meneliti dan mengesahkan pengiraan pelarasan kadar harga dan memperakukan kepada Pegawai Pengawal bagi setiap permohonan yang diterima. JPPKH hendaklah ditubuhkan melalui pelantikan oleh Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan dengan keahlian sekurang-kurangnya tiga (3) orang yang berkeelayakan seperti berikut: (a) Seorang Pegawai P&P (Pengerusi); dan (b) Dua (2) orang ahli. JPPKH boleh dilantik diperingkat Ibu Pejabat/ Negeri/ Cawangan mengambil kira tanggungjawab sebagai pentadbir kontrak.

SOALAN LAZIM

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
4.	Adakah agensi boleh diberi pengecualian daripada melaksanakan pelarasan harga kontrak sekiranya peruntukan sedia ada didapati tidak mencukupi untuk menampung kenaikan harga kontrak?	Tidak. Pelaksanaan pelarasan harga kontrak perolehan adalah selaras dengan ketetapan PGM 2022 yang merupakan keperluan statut.
5.	Adakah Pegawai Pengawal dibenarkan menurunkan kuasa kepada pegawai lain terutamanya yang melibatkan kontrak perolehan di peringkat Jabatan/Agensi di bawah Kementerian?	Boleh. Pegawai Pengawal boleh membuat penurunan kuasa bagi menimbang dan meluluskan permohonan pelarasan harga kontrak. Walau bagaimanapun, Pegawai Pengawal adalah masih bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelarasan ini dan memastikan pelaksanaannya mematuhi semua tatacara kewangan yang berkuat kuasa.
6.	Adakah permohonan kelulusan kepada Pegawai Pengawal bagi pelarasan harga kontrak Kerajaan dikemukakan secara berkala atau tertakluk kepada permohonan yang diterima daripada syarikat?	Selaras dengan konsep <i>let managers manage</i> , Agensi boleh melaksanakannya mengikut kesesuaian masing-masing sama ada secara individu atau berkelompok.

SOALAN LAZIM

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
7.	Apakah tatacara pelarasan harga kontrak dalam sistem ePerolehan?	Secara asasnya, penetapan tatacara di dalam sistem ePerolehan ditetapkan berdasarkan senario berikut: (a) Kontrak yang masih berkuat kuasa; (b) Kontrak belum dimuktamadkan; (c) Tiada perjanjian kontrak; dan (d) SST belum dikeluarkan. Tatacara yang ditetapkan adalah seperti di Lampiran A.
8.	Bagaimana sekiranya peruntukan tidak mencukupi?	Agensi hendaklah menggunakan peruntukan sedia ada dan permohonan peruntukan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Belanjawan Negara (NBO) untuk pertimbangan selanjutnya. Pegawai Pengawal bertanggungjawab memastikan semua tatacara kewangan dan perolehan adalah dipatuhi.
9.	Apa tindakan yang perlu diambil sekiranya terdapat permohonan PGM 2020 yang sedang diproses?	Permohonan tersebut hendaklah diproses berdasarkan tatacara yang telah ditetapkan berdasarkan surat MOF berkaitan pelarasan harga kontrak berikutan pelaksanaan PGM 2020 bertarikh 24 Februari 2020 dan mengikut tatacara kewangan yang sedang berkuat kuasa.

SOALAN LAZIM

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
10.	Adakah bagi menentukan sama ada sesuatu syarikat itu perlu melaksanakan PGM 2022 adalah berdasarkan bilangan pekerja yang terlibat dengan sesuatu kontrak perolehan sahaja?	Tidak. Bilangan pekerja adalah mengambilkira keseluruhan bilangan pekerja termasuk pekerja di cawangan.